


DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 8/2020

**FASILITASI PELEPASAN KUMPULAN KE ATAS PEMBERIAN PERKHIDMATAN
BERCUKAI KEPADA MANA-MANA SYARIKAT DI DALAM KUMPULAN SYARIKAT**

1. Pemberian perkhidmatan bercukai dalam butiran (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h) atau (i), ruang (2), Kumpulan G Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PCP2018) kepada **mana-mana orang dalam kumpulan syarikat yang sama** (selepas ini dirujuk sebagai **ahli kumpulan**) adalah merupakan suatu perkhidmatan yang tidak bercukai sepertimana peruntukan di bawah perenggan 3, Jadual Pertama, PCP2018. Bagi tujuan dasar ini, fasilitasi di bawah perenggan 3, Jadual Pertama, PCP2018 akan dirujuk sebagai **pelepasan kumpulan**.
2. Sekiranya perkhidmatan bercukai yang sama diberikan kepada **mana-mana orang di luar kumpulan syarikat** (selepas ini dirujuk sebagai **pihak ketiga**), **pelepasan kumpulan** tidak lagi terpakai dan perkhidmatan bercukai berkenaan yang diberikan kepada ahli kumpulan menjadi suatu perkhidmatan yang dikenakan cukai (lihat ilustrasi 1).


Tiada Pelepasan Kumpulan Apabila Perkhidmatan Diberi Ke Pihak Ketiga



Ilustrasi 1

3. Berkuatkuasa 1 Januari 2020, fasilitasi **pelepasan kumpulan** diberi penambahbaikan di mana **pelepasan kumpulan** masih diberi walaupun berlakunya pemberian perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga dengan syarat jumlah nilai perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga dalam tempoh dua belas (12) bulan tidak melebihi suatu jumlah bersamaan dengan nilai lima peratus (5%) daripada jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang sama (lihat ilustrasi 2). Perenggan 8(1) dan 8(2) , Jadual Pertama, PCP2018 adalah berkaitan.

Layanan Cukai Pelepasan Kumpulan



Dengan syarat:

$v(h)M \leq 5\% V(h)$ dalam tempoh dua belas (12) bulan

Ilustrasi 2

4. Kaedah pengiraan tempoh dua belas (12) bulan adalah berdasarkan kepada kaedah ke hadapan (future), iaitu pada bulan itu dan sebelas bulan ke hadapan selepas bulan itu. Pengiraan nilai perkhidmatan lima peratus (5%) hendaklah mengambilkira jumlah nilai perkhidmatan yang sama yang diberikan kepada pihak ketiga berbanding dengan jumlah keseluruhan nilai perkhidmatan sama yang diberikan.
5. Perkhidmatan yang layak bagi tujuan **pelepasan kumpulan** adalah perkhidmatan di butiran (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h) atau (i)[(i) hingga (x)], ruang (2), Kumpulan G Jadual Pertama, PCP2018. Perkhidmatan di butiran (j), (k), (l) dan (m) adalah tidak layak untuk fasilitasi **pelepasan kumpulan**. Bagi maksud butiran (i) kumpulan G, perkhidmatan yang sama merujuk kepada sub-butiran (i) hingga (x).

6. Pengenaan cukai oleh orang berdaftar:

6.1 Seorang **orang berdaftar** (OB) yang memberi perkhidmatan bercukai hendaklah **mengenakan cukai perkhidmatan kepada pihak ketiga** dan **mengenakan cukai perkhidmatan kepada ahli kumpulan** berdasarkan penentuan berikut:

6.1.1. Sekiranya nilai perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga **telah dipastikan** tidak akan melebihi nilai lima peratus (5%) dari keseluruhan perkhidmatan untuk tempoh dua belas (12) bulan, **cukai tidak perlu dikenakan kepada ahli kumpulan**. OB boleh menggunakan data transaksi perniagaan dua belas bulan sedia ada sebagai asas untuk menentukan peratusan jumlah nilai perkhidmatan kepada pihak ketiga. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan kepada ahli kumpulan sebaik sahaja berlakunya penambahan transaksi kepada pihak ketiga walaupun tempoh dua belas (12) bulan belum tercapai.

6.1.2. Sekiranya nilai perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga **tidak dapat dipastikan** kurang atau bersamaan lima peratus (5%) dari jumlah keseluruhan perkhidmatan untuk tempoh dua belas (12) bulan, OB hendaklah **mengenakan cukai perkhidmatan kepada ahli kumpulan** atas perkhidmatan bercukai yang diberi.

6.2 Pelarasan kenaikan cukai selepas tempoh dua belas (12) bulan boleh dilakukan oleh OB dengan mengeluarkan nota kredit di bawah peraturan 11, PCP2018 kepada ahli kumpulan apabila nilai perkhidmatan kepada pihak ketiga kurang atau bersamaan lima peratus (5%) dari jumlah perkhidmatan untuk tempoh dua belas (12) bulan.

6.3 Sekiranya OB gagal untuk mengenakan cukai ke atas perkhidmatan kepada ahli kumpulan dan di dapati nilai perkhidmatan kepada pihak ketiga melebihi nilai lima peratus (5%) dari keseluruhan nilai perkhidmatan untuk tempoh dua belas (12) bulan, OB akan dikenakan penalti di bawah subseksyen 26(7), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP2018) ke atas perkhidmatan bercukai kepada ahli kumpulan yang lewat diakaun dan dibayar cukai apabila cukai genap masa.

7. Pendaftaran

7.1 Mana-mana orang yang berhasrat untuk memberi perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga adalah bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACP2018. Bagi tujuan penentuan nilai perkhidmatan, jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang sama kepada ahli kumpulan dan pihak ketiga hendaklah digunapakai.

7.2 OB yang memberi perkhidmatan bercukai kepada ahli kumpulan dan pihak ketiga hendaklah terus kekal berdaftar walaupun nilai perkhidmatan bercukai

kepada pihak ketiga kurang dari lima peratus (5%) dari jumlah nilai perkhidmatan keseluruhan.

8. Tempoh peralihan

- 8.1 Pemberian perkhidmatan bercukai kepada ahli kumpulan dan pihak ketiga **sebelum 1 Januari 2020** adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan walaupun nilai perkhidmatan kepada pihak ketiga tidak melebihi lima peratus (5%) dari jumlah nilai perkhidmatan. Fasilitasi yang dinyatakan di perenggan 3 di atas adalah tidak terpakai. Cukai perkhidmatan hendaklah diakaun dan dibayar apabila menjadi genap masa di bawah seksyen 11 ACP2018.
9. Fasilitasi **pelepasan kumpulan** di bawah dasar ini hanya terpakai untuk perkhidmatan bercukai yang diberi oleh OB di dalam Malaysia dan **tidak terpakai** untuk perkhidmatan bercukai diimport yang diperolehi dari ahli kumpulan yang berada di luar Malaysia.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA